

11 DEC 2000

Parlimen-Mahathir (Lunas)

BN KALAH DI LUNAS KERANA UGUTAN DAN FITNAH PEMBANGKANG -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) tewas pada pilihan raya kecil kawasan Lunas di Kedah baru-baru ini kerana ugutan oleh begitu ramai penyokong pembangkang dan penipuan serta fitnah yang dilemparkan mereka terhadap BN.

Perdana Menteri berkata antara cara yang digunakan mereka untuk mendapatkan sokongan kaum Cina ialah dengan memainkan bantahan terhadap Sekolah Wawasan, yang menjadi satu isu di kalangan kaum Cina pada pilihan raya kecil 29 Nov itu.

"Kata mereka kalau ada Sekolah Wawasan maka budak-budak Cina akan pakai kopiah, akan dipaksa pakai kopiah. Ini semua disebar dengan meluas melalui mulut, tetapi amat berkesan sekali," katanya ketika menjawab soalan tambahan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata kempen itu menyebabkan orang Cina yang pada pilihan raya umum 1999 memberi sokongan kuat kepada BN sehingga BN mampu mengalahkan dua pemimpin DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh, tiba-tiba bertukar hati dan membantah BN, kononnya, berpunca daripada tuntutan Suqui.

Kerk ingin tahu sama ada kekalahan BN kepada calon Keadilan, Saifuddin Nasution Ismail berpunca daripada kemarahan pengundi Cina di situ terhadap ulasan Dr Mahathir mengenai tuntutan Suqui, kumpulan pendesak Cina, yang mengemukakan 83 tuntutan di bawah 17 tajuk kepada kerajaan sebelum pilihan raya umum lepas.

Dr Mahathir berkata Suqui mendakwa mewakili 2,000 pertubuhan Cina tetapi tidak diketahui sama ada ia mengadakan mesyuarat dan membincang secara mendalam semua 83 tuntutan itu dengan semua persatuannya dan sama ada pertimbangan sensitiviti kaum diambil kira serta pandangan kaum lain juga diteliti.

"Saya tidak mendapat laporan... dalam akhbar Cina pun tidak ada laporan (mengenai perbincangan, rundingan dan pertimbangan sensitiviti kaum lain) telah diadakan.

"Tiba-tiba beberapa orang datang dengan memorandum ini membuat tuntutan yang bukan-bukan untuk menghapuskan hak orang Melayu dan Bumiputera lain," katanya, yang menekankan pentingnya sensitiviti kaum lain diambil kira dalam membuat tuntutan serupa itu.

Sambil mengulangi fakta-fakta mengenai ketidakupayaan kaum Melayu dan Bumiputera, beliau berkata hakikat sekarang ialah mereka masih terkebelakang termasuk daripada segi mendapat hanya kontrak kerajaan dan bagi kemasukan ke universiti pula mungkin tidak sampai 25 peratus yang layak atas dasar merit.

"Tanpa kontrak kerajaan mungkin mereka tidak akan mendapat apa-apa kontrak. Ini menunjukkan tanpa hak istimewa, mereka tidak mungkin dapat apa-apa kontrak pun. Begitu juga peluang pelajaran," kata Dr Mahathir yang mengakui bahawa kerajaan memberatkan sedikit kepada Bumiputera kerana mereka masih lemah.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan memberi 60 peratus tempat kepada Bumiputera dalam universiti tempatan, bilangan ahli profesional dan lulusan dari universiti di Malaysia dan luar negara daripada kalangan orang Melayu dan Bumiputera masih rendah.

Katanya, lantaran ia tidak mengambil kira fakta-fakta benar seperti itulah, Suqui dipercayai tidak membuat kajian mendalam sebelum membuat

tuntutannya.

Lantaran itu juga, kata Perdana Menteri, beliau melihat tuntutan Suqui berupa satu ugutan terhadap kerajaan BN dan pemilihan waktunya cukup baik iaitu dekat dengan pilihan raya.

"Samalah juga dengan DAP... DAP kini pun dah sokong negara Islam, bagi mendapat sokongan... bersubahat (dengan Pas)...," katanya sambil diberikan tepukan meja oleh para penyokong kerajaan.

Ketika itu Kerk dan beberapa anggota Dewan dari DAP membantah dan menuduh Dr Mahathir berbohong, tetapi dijawab oleh Dr Mahathir; "Saya tidak cakap bohong di bulan puasa, saya cakap benar. Saya jawab dengan serius."

Dr Mahathir membidas DAP, yang menurutnya, mengapi-apikan perasaan perkauman pada ketika BN sedang gigih menjalin hubungan antara kaum.

Katanya, di Malaysia orang Cina diberi layanan yang cukup adil tidak seperti orang Cina di negara lain, contohnya, di Malaysia saja dibenarkan sekolah Cina didirikan.

"Kita beri layanan sederhana kepada orang Cina dan India dan orang Melayu juga. Tidak ada mana-mana kaum yang akan mendapat 100 peratus daripada tuntutan mereka. Orang Melayu pun kita tidak beri 100 peratus tuntutan mereka kerana kalau diberi layanan 100 peratus bermakna kita tidak adil kepada kaum lain," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Dr Mahathir sambil menyindir Pas, berkata ramai orang bercakap berkenaan tuntutan Suqui tetapi tidak pernah membaca pun sampai habis kandungan tuntutan itu dan itulah sebabnya mereka tidak mempunyai pendirian.

Dr Mahathir menafikan dakwaan Tan kononnya pada perjumpaan dengan Suqui di pejabatnya baru-baru ini, hanya beliau yang bercakap. Menurutnya, pada ketika itu wakil Suqui juga diminta memberi ulasan menegnai tuntutan dalam memorandum yang dikemukakan mereka.

"Memang benarlah saya terangkan masalah perkauman di negara kita, betapa bahayanya kita bawa perkara ini kepada orang ramai... tuntutan seperti menghapuskan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah amat sensitif dan tidak boleh dibincangkan," katanya.

Ketika menjelaskan suasana perbincangan dan perjumpaan yang mesra itu, Dr Mahathir berkata beliau bergambar dengan wakil-wakil Suqui dan mereka juga bertanya apa yang sepatutnya diberitahu mereka kepada pihak akhbar mengenai perjumpaan itu.

"Saya mempunyai harapan yang cukup baik, kerana mereka begitu baik sekali, mereka begitu bersopan-santun bertanya kepada saya, apakah kenyataan mereka boleh buat kepada akhbar, yang saya kata cuba sebutlah kita ada perbincangan dalam suasana yang muhibah," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri kecewa kerana apabila dekat saja piihan raya, maka dikeluarkan kenyataan yang membangkitkan sentimen perkauman yang kuat di kalangan orang Cina, yang dilihatnya sama dengan cara DAP.

-- BERNAMA

MNY MNY NMO